

JOURNAL OF INFORMATION
SYSTEM AND TECHNOLOGY
MANAGEMENT (JISTM)www.jistm.com**PERKAITAN PENGANGGURAN, PASARAN BURUH DAN
INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) SEBELUM, SEMASA DAN
SELEPAS COVID-19***RELATIONSHIP BETWEEN UNEMPLOYMENT, LABOR MARKET, AND
PRODUCER PRICE INDEX (PPI) BEFORE, DURING, AND AFTER COVID-19*Nurdini Athirah Ismail¹, Nurul Shahieda Fatiehah Mohamad Zukiram², Ely Salwana^{3*}¹ Jabatan Sains Matematik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: A180748@siswa.ukm.edu.my

² Jabatan Sains Matematik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: A180933@siswa.ukm.edu.my

³ Institut Informatik Visual, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: elysalwana@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 06.09.2023

Revised date: 28.09.2023

Accepted date: 22.10.2023

Published date: 05.12.2023

To cite this document:

Ismail, N. M., Zukiram, N. S. F. M., & Salwana, E. (2023). Perkaitan Pengangguran, Pasaran Buruh dan Indeks Harga Pengeluaran (IHPR) Sebelum, Semasa dan Selepas Covid-19. *Journal of Information System and Technology Management*, 8 (33), 16-30.

DOI: 10.35631/JISTM.833002

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak awal tahun 2020 telah menyebabkan ketidakstabilan yang ketara dalam sektor ekonomi global. Satu aspek yang terjejas secara drastik ialah pasaran buruh, dengan peningkatan jumlah pengangguran yang tidak seperti sebelum ini. Di samping itu, implikasi pandemik ini juga dapat dikenalpasti melalui indeks harga pengeluaran, dengan turun naik harga yang tidak dapat dijangka dalam perbelanjaan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menyiasat perkaitan antara pasaran buruh, jumlah pengangguran dan indeks harga pengeluaran sebelum, semasa dan selepas pandemik Covid-19 ini. Kajian ini akan menggunakan kaedah pengumpulan dan penganalisan data secara kuantitatif yang melibatkan pengumpulan data sekunder daripada sumber yang boleh dipercayai seperti Portal Data Terbuka Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia. Data itu akan merangkumi petunjuk utama seperti jumlah pengangguran, pasaran buruh dalam industri yang berbeza, upah, kadar pengangguran, serta indeks harga pengeluaran dalam tempoh masa yang relevan sejak bermulanya pandemik. Kajian mendapati bahawa penguatkuasaan PKP telah menjejaskan pasaran buruh, jumlah pengangguran dan Indeks Harga Pengeluaran (IHPR), Pasaran buruh semakin menjadi berkurangan sekaligus menyebabkan jumlah pengangguran meningkat. Perubahan pada IHPR pula adalah bergantung kepada jenis industri. Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan

pemahaman yang lebih mendalam mengenai kesan pandemik COVID-19 di Malaysia terhadap pasaran buruh, pengangguran dan indeks harga pengeluar.

Kata Kunci:

Pasaran Buruh, Pengangguran, Indeks Harga Pengeluar, Pandemik, Covid-19

Abstract:

The COVID-19 pandemic that has hit the world since the beginning of 2020 has caused significant instability in the global economic sector. One aspect that has been drastically affected is the labour market, with an unprecedented increase in unemployment. In addition, the implications of this pandemic can also be identified through the producer price index, with unpredictable price fluctuations in spending. Therefore, this study aims to investigate the relationship between the labor market, unemployment and the producer price index before, during and after the Covid-19 pandemic. This study will use quantitative data collection and analysis methods that involve the collection of secondary data from reliable sources such as the Malaysian Open Data Portal, Bank Negara Malaysia and the Department of Statistics Malaysia. The data will include key indicators such as total unemployment, the labor market in different industries, wages, the unemployment rate, as well as the producer price index over the relevant time period since the start of the pandemic. The study found that the enforcement of the MCO has affected the labor market, the amount of unemployment and the Producer Price Index (IHPR). Changes in the IHPR depend on the type of industry. The results of this study are expected to provide a deeper understanding of the impact of the COVID-19 pandemic in Malaysia on the labor market, unemployment and the producer price index.

Keywords:

Labor Market, Unemployment, Producer Price Index, Pandemic, Covid-19

Pengenalan

Isu utama dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara ialah guna tenaga dan kadar pengangguran. Sesetengah pengangguran hanya berlaku dalam jangka masa yang pendek yang mana ianya merupakan satu proses semulajadi bagi individu-individu yang bergerak di antara satu pekerjaan ke pekerjaan yang lain atau pergerakan daripada alam persekolahan ke pasaran kerja. Sesetengah pengangguran lain pula mengambil masa beberapa bulan mungkin disebabkan kesukaran mencari pekerjaan. Kenyataannya, kadar pengangguran merupakan petunjuk yang penting kepada prestasi kitaran ekonomi.

Sesebuah negara dikatakan mempunyai pertumbuhan yang mampan jika kadar penganggurannya rendah (Yamin, 2023). Sebaliknya jika kadar pengangguran tinggi, bermakna berlakunya pembaziran sumber manusia.

Menurut suratan akhbar Berita Harian, seramai 140,608 orang hilang pekerjaan akibat pandemik COVID-19 bagi tempoh Mac 2020 sehingga 20 Ogos 2022 lalu (Lokman, 2022). Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata ia berdasarkan data perangkaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Oleh itu,

perkaitan antara pasaran buruh dan pengangguran perlu dikaji untuk melihat tren pengangguran sebelum, semasa dan selepas pandemik covid-19.

Selain itu, inflasi terhadap indeks harga pengeluar juga boleh berlaku ketika zaman pandemik lantaran harga barang yang naik terutama kos bahan mentah menyebabkan indeks harga pengeluar meningkat. Hal ini akan mengurangkan kuasa beli dan sekali gus menghambat pertumbuhan ekonomi negara. Indeks Harga Pengeluar (IHPR) adalah satu indeks yang mengukur perubahan harga komoditi untuk jualan pasaran tempatan yang dinilai pada harga dikilang (Bank Negara Malaysia, 2016).

Berdasarkan permasalahan yang dibincangkan, kajian ini dijalankan untuk mengkaji kadar pengangguran sebelum, semasa dan selepas covid-19 dan mengenalpasti perkaitan antara covid-19, pasaran buruh dan pengangguran di Malaysia melalui analisis data berdasarkan kepada data-data yang telah dikenalpasti dan dibincangkan dalam seksyen seterusnya nanti. Melalui analisis yang dilakukan, pengaruh pengangguran terhadap indeks harga pengeluar bagi industri yang berbeza di era pandemik covid-19 juga akan dikenalpasti.

Kajian Terdahulu

Pasaran buruh, pengangguran, dan indeks harga pengeluar (IHPR) adalah tiga konsep ekonomi yang saling berkait. Konsep ini dapat membantu memberikan pandangan mengenai prestasi keseluruhan ekonomi negara. Bagi mengetahui keadaan ekonomi pada ketika pandemik Covid-19 ini, impaknya kepada pasaran buruh, pengangguran dan Indeks Harga Pengeluar perlu diambil kira. Pertama sekali adalah impak pandemik kepada pasaran buruh. Berikutan sekatan pergerakan yang diperkenalkan oleh kerajaan, terdapat banyak syarikat yang terpaksa mengambil tindakan atau pendekatan mengurangkan ambilan tenaga buruh bagi menampung kos yang ditanggung oleh syarikat. Satu kajian daripada Penyelidikan, Analitik dan Teknologi Maklumat (2021) mendapati bahawa berlakunya ketidakseragaman terhadap peluang pekerjaan bagi yang ada di pasaran dengan jumlah graduan Bumiputera yang dihasilkan disebabkan oleh pandemik ini. Pada tahun 2019 dianggarkan hanya 40% graduan Bumiputera yang mampu memenuhi peluang pekerjaan manakala peratusan ini menurun kepada 27% bagi tahun 2020 (Rose, 2020). Ini adalah disebabkan oleh pengurangan peluang pekerjaan sebanyak 29.3% pada kedua-dua tahun tersebut. Pengurangan peluang pekerjaan yang ketara tersebut adalah satu daripada impak pandemik yang melanda negara ini.

Seterusnya ialah kesan pandemik ini kepada pengangguran. Menurut Rashid (2020), telah berlaku kenaikan pada kadar pengangguran pada suku tahun pertama 2020 iaitu 3.9 peratus berbanding 3.3 peratus pada tahun 2019. Bahkan dalam data perangkaan juga didapati jumlah penganggur telah meningkat kepada 610 ribu orang (17.1 peratus) berbanding 521 ribu orang pada bulan yang sama tahun 2019. Pengkaji mendapati bahawa dalam mengatasi masalah pengangguran yang dihadapi, beberapa inisiatif telah diambil oleh pihak kerajaan. Misalnya, Federasi Kebangsaan Pekerja Belia Malaysia (FKPB) menyatakan bahawa majikan memerlukan tenaga kerja mahir bagi memenuhi permintaan industri selepas pandemik COVID-19 mengubah landskap pekerjaan (Rashid, 2022). Ini menunjukkan kepentingan meningkatkan kemahiran pekerja dan memastikan penyesuaian dengan keperluan pasaran tenaga kerja yang semakin berubah. Pandemik COVID-19 telah memberikan tekanan yang besar kepada sektor pekerjaan dan menyebabkan peningkatan pengangguran.

Tambahan pula, terdapat satu kajian oleh Nuruliza & Borhan (2022) yang bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor pengangguran di Malaysia ketika pandemik covid-19. Menurut Nuruliza & Borhan (2022), walaupun terdapat banyak faktor pengangguran yang telah diutarakan oleh kajian terdahulu, namun hanya lima faktor sahaja yang sering dibangkitkan iaitu pelaksanaan PKP, kurangnya kemahiran teknikal, sikap individu yang terlalu memilih, kurangnya persiapan diri dalam menghadiri temuduga dan kelemahan individu dalam menguasai bahasa Inggeris. Hasil daripada rumusan dan perbincangan yang telah dibuat dalam kajian ini mendapati bahawa kesemua faktor yang disenaraikan oleh pengkaji mempunyai kaitan dengan peningkatan kadar pengangguran di Malaysia ketika pandemik Covid-19. Memahami faktor-faktor ini penting dalam merancang inisiatif dan program yang sesuai untuk mengurangkan pengangguran dan membantu individu mengatasi cabaran pekerjaan semasa keadaan yang mencabar ini.

Di samping itu pula ialah impak pandemik ini pada indeks harga pengeluar. Kajian yang dijalankan oleh Santacreu & LaBelle (2022) telah menyiasat kesan gangguan rantaian bekalan terhadap inflasi IHPR semasa wabak, merungkai kesan kesesakan domestik dan asing yang disebarkan melalui rantaian nilai global. Inflasi IHPR mengukur perubahan dalam kos input yang dihadapi oleh pengeluar atau pengeluar dalam mengeluarkan barangan dan perkhidmatan (Werdaningtyas, 2022). Berdasarkan kajian tersebut, inflasi IHPR telah meningkat dengan ketara semasa pandemik COVID-19, dan peningkatan ini adalah heterogen merentas industri. Kajian mendapati bahawa inflasi IHPR telah menurun 2 mata peratusan pada Januari 2021 dan 20 mata peratusan pada November 2021. Oleh itu, gangguan rantaian bekalan telah menjadi sumber penting inflasi PPI semasa pandemik COVID-19 (Santacreu dan LaBelle 2022). Rantaian bekalan global telah terjejas akibat sekatan pergerakan, kelewatan penghantaran dan gangguan kepada aktiviti ekonomi. Ini telah menyebabkan ketegangan domestik dan asing merentas rantaian nilai global, yang seterusnya menjejaskan kos input dan harga output.

Perubahan ekonomi ini berlaku bukan sahaja di negara Malaysia, malahan turut berlaku di luar negara. Di negara-negara Kesatuan Eropah, kajian oleh Pouliakas & Branka (2020) dan Fana, Tolan, Torrejon, Brancati, dan Fernandez-Macias (2020) menunjukkan bahawa golongan yang paling terkesan dalam pasaran buruh termasuk wanita, bukan orang asli, pekerja sendiri dan pekerja sementara, yang kurang berpendidikan, dan pekerja bergaji rendah di perusahaan mikro. Sebaliknya, kajian ke atas negara-negara G20 oleh ILO dan OECD (2020) menunjukkan bahawa sekatan pergerakan dan lockdown membawa kepada penurunan pekerjaan yang tidak pernah berlaku sebelum ini dalam G20. Sebagai contoh, antara Disember 2019 dan April 2020, terdapat penurunan 40% dalam pekerjaan di Mexico dan 8-9% di Jepun dan Korea; jumlah jam bekerja menurun sebanyak 46% di Mexico dan 10% di Australia dan kadar pengangguran meningkat dengan ketara di Kanada dan Amerika Syarikat, malah melebihi kadar semasa Krisis Kewangan Global.

Kadar pengangguran yang diselaras secara bermusim di kawasan euro ialah 6.8% pada Januari 2022, ianya menurun sejak memuncak melebihi 8.5% apabila wabak Covid-19 melanda dunia pada musim bunga 2020. Eurostat juga mengadakan satu indikator terhadap harga pengeluar yang mana harga pengeluar meningkat dalam zon euro. Indeks harga pengeluar kawasan euro telah meningkat 30.6% sepanjang tahun antara Januari 2021 dan Januari 2022. Di sini sekali lagi, Kesatuan Euro secara keseluruhannya mengikuti trend zon euro: harga pengeluar perindustrian meningkat sebanyak 4.9%. Penceroohan Rusia ke atas Ukraine telah meningkatkan kos tenaga di seluruh dunia. Laporan Eurostat terkini menghubungkan

peningkatan kos tenaga Eropah kepada inflasi yang tinggi di rantau ini. Walaupun Eropah semakin mengguna pakai sumber tenaga boleh diperbaharui, pergantungan besar rantau ini terhadap bahan api fosil terus mengikat ekonomi Kesatuan Euro dengan kos setong minyak (Courthouse News 2023). Perubahan ekonomi ini memberi kesan kepada pasaran buruh, harga pengeluaran, dan inflasi IHPR di negara-negara tersebut.

Metodologi Kajian

Data yang akan digunakan dalam kajian ini adalah data yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia. Terdapat 3 jenis data yang digunakan iaitu data pengangguran, data pasaran buruh dan data indeks harga pengeluaran. Kajian ini akan menggunakan set data bermula dari Januari 2014 sehingga Mac 2023. Kategori masa sebelum pandemik diambil bermula dari Januari 2014 sehingga Disember 2019 dan semasa pandemik diambil bermula Januari 2020 sehingga Mac 2022. Kategori masa selepas pandemik pula diambil bermula April 2022 sehingga Mac 2023. Pembahagian yang sedemikian adalah kerana Malaysia mencatatkan kes Covid-19 yang pertama dikesan pada 25 Januari 2020 daripada pelancong dari negara China yang tiba di Johor melalui negara Singapura (Pfordten & Ahmad, 2021). Namun setelah dua tahun bergelut dengan ‘pembunuh senyap’ itu, akhirnya Malaysia berjaya memasuki fasa peralihan ke endemik sepertimana yang telah diumumkan pada 1 April 2022 (Sinar Harian, 2022). Hal ini dapat dicapai susulan kejayaan program vaksinasi COVID-19 dan sistem perkhidmatan kesihatan yang berada pada tahap yang terkawal (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022). Beberapa kaedah telah terlibat iaitu:

1) *Pra-Pemprosesan – kaedah dan bagaimana penyediaan data dilakukan*

Data yang disediakan adalah dalam bentuk .xlsx. yang dikumpul dari Januari 2014 hingga Mac 2023. Jangka waktu ini dipilih dalam kajian ini kerana ianya dapat menunjukkan tren pengangguran, pasaran buruh dan indeks harga pengeluaran pada zaman sebelum, semasa dan selepas covid 19 sesuai dengan motif utama kajian. Hal ini kerana motif utama kajian adalah untuk mengkaji perkaitan antara pengangguran, pasaran buruh dan indeks harga pengeluaran pada zaman sebelum, semasa dan selepas covid 19.

2) *Pemprosesan data dan maklumat – kaedah dan bagaimana analisa data dilakukan*

Analisis yang dilakukan akan melibatkan kaedah kuantitatif dan kaedah visualisasi.

a) *Kaedah kuantitatif*


Kaedah kuantitatif digunakan untuk menentukan purata indeks harga pengeluaran dengan menggunakan min. Min berfungsi untuk mengukur kecenderungan pusat yang juga dirujuk sebagai purata. Perbezaan pasaran buruh 2019 dan 2020 juga dihitungkan bagi melihat pertambahan atau penurunan dalam jumlah pasaran buruh. Hal ini adalah untuk menunjukkan bahawa pandemik covid-19 memberi kesan terhadap pasaran buruh. Pengiraan peratusan juga dilakukan untuk menunjukkan tahun yang mempunyai pengangguran yang paling tinggi dan yang terendah.

b) *Kaedah visualisasi*

Kaedah visualisasi yang dilakukan adalah carta pai bagi menunjukkan peratusan kadar pengangguran sebelum, semasa dan selepas covid-19. Carta garis juga digunakan untuk

menampilkan perbezaan antara kadar pengangguran sebelum, semasa dan selepas pandemik covid-19. Carta garis juga digunakan untuk menunjukkan tren pasaran kerja dan indeks harga pengguna. Seterusnya, carta palang menegak dan carta palang melintang digunakan untuk menunjukkan indeks harga pengeluaran dan pertambahan dan pengurangan pasaran kerja bagi sebelum, semasa dan selepas covid-19.


Hasil Dapatan



Rajah 1: Pengangguran Sebelum, Semasa Dan Selepas Covid-19

Carta garis dalam rajah 1 di atas menunjukkan jumlah penganggur pada setiap bulan bermula daripada Januari 2014 sehingga Mac 2023. Garis berwarna hijau merujuk kepada bilangan penganggur sebelum pandemik, garis berwarna biru merujuk kepada bilangan penganggur semasa pandemik dan garis berwarna coklat merujuk kepada bilangan pengangguran selepas pandemik. Sebelum pandemik, bilangan pengangguran pada setiap bulan tidak pernah melebihi 550,000 dengan jumlah tertinggi hanyalah 525,000 orang pada Ogos 2018 dan jumlah terendah adalah 378,700 orang pada November 2014.

Namun semasa pandemik iaitu pada Januari 2020 sehingga Mei 2020 telah berlakunya peningkatan yang mendadak pada jumlah pengangguran sehingga mencecah 826,100 orang penganggur pada Mei 2020. Selepas itu, kita dapat lihat berlaku penurunan sebanyak tiga kali dan penurunan sebanyak dua kali sehingga Mac 2022. Tiga kali penurunan ini berlaku dari Mei 2020 hingga Ogos 2020, dari Januari 2021 hingga Mei 2021 dan tempoh masa dari Julai 2021 hingga Mac 2022. Dua kali peningkatan pada pengangguran ini pula berlaku dari September 2020 hingga Januari 2021 dan dari Mei 2021 hingga Julai 2021. Namun, bermula Julai 2022 dalam tempoh selepas pandemik, terdapat penurunan kepada bilang pengangguran pada setiap bulan berikutnya sehingga Mac 2023 (588,700).



Rajah 2: Peratusan Pengangguran Sebelum, Semasa dan Selepas Covid-19

Rajah 2 di atas pula menunjukkan bahawa dalam tempoh kajian Januari 2014 hingga Mac 2023, peratusan pengangguran sebelum pandemik (26.85%) adalah lebih tinggi berbanding semasa pandemik (39.58%). Namun peratusan pengangguran selepas pandemik kembali menurun kepada (33.57%). Ini dengan jelas menunjukkan bahawa jumlah penganggur adalah tertinggi semasa pandemik.

Untuk mengenalpasti perkaitan antara covid-19, pasaran buruh dan pengangguran di negara Malaysia pula hasil analisis di bawah telah didapati.



Rajah 3: Kekosongan Jawatan Sebelum, Semasa Dan Selepas Covid-19

Carta garis di atas menunjukkan kekosongan jawatan sebelum, semasa dan selepas covid-19. Seperti yang dapat kita perhatikan, kekosongan jawatan yang terendah adalah pada sukuan tahun kedua (2Q) bagi tahun 2020 iaitu April 2020 hingga Jun 2020. Penurunan jumlah kekosongan jawatan telah berlaku pada sukuan tahun kedua (2Q) 2020 berbanding sukuan tahun pertama (1Q) 2020. Namun begitu, kekosongan jawatan meningkat setelah sukuan tahun kedua (2Q) 2020.



Rajah 4: Perkaitan Pengangguran dan Pasaran Buruh

Carta garis di atas menunjukkan perkaitan antara pengangguran dan pasaran buruh. Seperti yang dapat dilihat apabila pasaran buruh berkurang maka, pengangguran meningkat terutamanya pada tahun 2020 dimana covid-19 melanda. Pasaran buruh menunjukkan kekosongan jawatan terendah dan pengangguran menunjukkan jumlah tertinggi.



Rajah 5: Kekosongan Kerja Mengikut Sektor 2018-2023 dalam sukuan tahun


1Q – Sukuan Tahun Pertama

2Q – Sukuan Tahun Kedua

3Q – Sukuan Tahun Ketiga

4Q – Sukuan Tahun Keempat

Carta Bar Menegak di atas menunjukkan kekosongan kerja mengikut sektor dalam sukuan tahun pada tahun 2018 hingga 2023. Fasa pandemik di Malaysia adalah 25 Januari 2020 dan fasa endemik Malaysia adalah pada 1 April 2022. Seperti yang terlihat jelas, kekosongan kerja mengikut sektor adalah yang terendah pada sukuan tahun kedua (2Q) 2020 dimana ianya pada fasa pandemik. Kekosongan kerja tertinggi adalah pada sukuan tahun kedua (2Q) 2022 dimana fasa endemik bermula. Dengan ini, jelas bahawa pandemik covid-19 menjejaskan peluang pekerjaan kepada masyarakat. Seterusnya, rajah yang akan diterangkan berikutnya adalah untuk melihat sektor yang paling terkesan pada fasa pandemik.



Rajah 6: Penurunan Dan Peningkatan Kekosongan Kerja Bagi Sukuan Tahun 2020

1Q – Sukuan Tahun Pertama

2Q – Sukuan Tahun Kedua

3Q – Sukuan Tahun Ketiga


4Q – Sukuan Tahun Keempat

Seperti yang dinyatakan sebelum, kekosongan kerja mengikut sektor adalah yang paling rendah pada tahun 2020. Oleh itu, carta di atas menunjukkan perbezaan kekosongan pekerjaan pada 2020 berbanding 2019. Melalui carta melintang di atas menunjukkan bahawa setiap sektor mengalami penurunan dalam kekosongan kerja pada sukuan tahun pertama (1Q), sukuan tahun kedua (2Q) dan sukuan tahun ketiga (3Q) 2020. Sektor-sektor pekerjaan mula membaik pada sukuan tahun keempat (4Q) 2020 kecuali sektor pertanian,perhutanan dan perikanan. Sektor perkilangan adalah yang paling terkesan dengan pengurangan pekerjaan melebihi 50,000 berbanding 2019 pada sukuan tahun kedua (2Q) 2020 manakala perlombongan adalah yang paling tidak terkesan pada era pandemik covid-19. Sektor perkhidmatan mengalami kenaikan paling banyak pada sukuan tahun keempat (4Q) 2020 dengan peningkatan melebihi 200,000 peluang pekerjaan. Secara keseluruhannya, setiap sektor adalah terkesan pada sukuan tahun kedua (2Q) 2020 dimana PKP mula dijalankan.




Rajah 7: Kekosongan Kerja Mengikut Kategori bagi Sukuan Tahun 2018-2023

Carta bar menegak di atas menunjukkan kekosongan kerja mengikut kategori bagi sukuan tahun 2018–2023. Kekosongan kerja sebelum pandemik adalah dalam keadaan stabil dengan peningkatan dan penurunan yang tidak terlalu ketara. Namun, setelah pandemik covid-19 melanda pada tahun 2020, kekosongan kerja menunjukkan penurunan yang ketara pada sukuan tahun kedua (2Q) kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan. Seterusnya, sukuan tahun keempat (4Q) 2020 menunjukkan peningkatan kerana Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) diisytiharkan dan terdapat premis-premis yang dibolehkan beroperasi untuk menggerakkan ekonomi negara. Kekosongan kerja yang paling tinggi adalah pada sukuan tahun kedua (2Q) 2022 dimana endemik telah diisytiharkan. Untuk melihat kategori yang paling terjejas pada fasa pandemik covid-19, carta dibawah dirujuk:



Rajah 8: Peningkatan dan Penurunan Kekosongan Kerja Mengikut Kategori bagi Sukuan Tahun 2020

Carta palang melintang di atas menunjukkan perbezaan dalam kekosongan pekerjaan bagi tahun 2020 berbanding 2019. Ianya memaparkan bahawa pekerjaan asas adalah kategori yang paling terjejas ketika pandemik covid-19 melanda dimana kekosongan pekerjaan bagi pekerjaan asas berkurang melebihi 100,00 pada sukuan tahun kedua (2Q) 2020 dan sukuan tahun ketiga (3Q) 2020 berbanding 2019. Perkerjaan asas masih mengalami penurunan pada sukuan tahun keempat (4Q) disaat kategori lain mengalami kenaikan dalam kekosongan kerja.



Rajah 9: Perubahan Indeks Harga Pengeluar Sebelum, Semasa dan Selepas Covid-19

Carta garis dan bar berkelompok di atas menunjukkan perubahan indeks harga pengeluar (IHPR) sebelum, semasa dan selepas covid-19 bagi 5 industri yang berbeza. Dapat dilihat daripada gambar rajah di atas bahawa industri air (garis berwarna merah) dan elektrik (garis berwarna oren) tidak menunjukkan perubahan yang ketara sebelum, semasa dan selepas pandemik ini. Tambahan pula, nilai min bagi IHPR untuk industri air adalah 112.586 dengan nilai maksimum adalah 118, nilai minimum adalah 103.8 dan julatnya pula adalah 14.2. Manakala nilai min bagi IHPR untuk industri elektrik adalah 116.107 dengan nilai maksimum adalah 123.3, nilai minimum adalah 109.9 dan julat adalah 13.4. Dengan mengambil kira analisis ini, boleh dikatakan bahawa indeks harga pengeluar industri air dan elektrik agak stabil dalam tempoh ini, tanpa sebarang perubahan ketara. Nilai sisihan piawai bagi industri air dan elektrik pula masing-masing adalah 2.7495 dan 2.5053. Daripada sini, boleh dikatakan bahawa variasi bagi nilai indeks tidak terlalu besar bagi kedua-dua industri ini.

IHPR bagi industri pembuatan juga tidak menunjukkan perubahan yang ketara di antara ketiga-tiga tempoh ini dengan min, nilai maksimum, nilai minimum, julat dan sisihan piawai masing-masing bernilai 108.961, 122.8, 101.7, 21.1 dan 5.4929. Namun dengan nilai julat dan sisihan piawai yang lebih besar berbanding industri air dan elektrik, menunjukkan adanya perubahan yang lebih ketara dalam IHPR bagi industri pembuatan walaupun tidak terlalu besar perubahannya. Namun, industri pertanian dan perlombongan menunjukkan perubahan yang sangat ketara antara sebelum, semasa dan selepas pandemik ini. Kedua-dua sektor ini mengalami peningkatan atau penurunan yang signifikan dalam Indeks Harga Pengeluar semasa pandemik berbanding tempoh masa sebelum pandemik. Tambahan pula, IHPR industri pertanian memiliki nilai min 11.678, nilai maksimum 178.7, nilai minimum 87.4, julat 91.3 dan sisihan piawai 21.2096. Manakala IHPR industri perlombongan memiliki nilai min 95.2554, nilai maksimum 152, nilai minimum 44.7, julat 107.3 dan sisihan piawai 21.0932. Ini jelas menunjukkan variasi yang signifikan dalam IHPR bagi kedua-dua industri ini. Adanya ketidakstabilan dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR) dalam kedua-dua industri ini kesan dari pandemik yang melanda negara pada ketika itu.

Penemuan Kajian

Pada 18 Mac 2020, kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). PKP ini dikuatkuasakan dalam empat fasa selama 47 hari, mulai 18 Mac 2020 hingga 3 Mei 2020 berikutan perkembangan semasa yang menyaksikan peningkatan kes positif Covid-19 sehingga menyebabkan tempoh sekatan ini perlu dilanjutkan. Sekatan pergerakan ini bertujuan untuk mengekang penularan wabak ini. Sekatan pergerakan ini telah memberikan kesan yang teruk kepada pasaran buruh Malaysia. Hal ini kerana, banyak sektor pekerjaan yang terpaksa menghentikan operasi serta merta. Bahkan, penutupan perniagaan semasa PKP telah menyebabkan banyak syarikat tidak dapat menampung kos perbelanjaan termasuk gaji pekerja hingga menyebabkan syarikat terpaksa mengurangkan jawatan menyebabkan pasaran buruh berkurang. Natiujahnya berlaku kenaikan kepada jumlah pengangguran dalam tempoh bermula Januari sehingga Mei 2020. Hal ini kerana jumlah pengangguran sangat bersangkut paut dengan keadaan pasaran buruh Malaysia.

Kerajaan kemudiannya memperkenalkan pula Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menggantikan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 4 Mei hingga 12 Mei dan seterusnya dilanjutkan hingga 9 Jun bagi membolehkan sektor perniagaan kembali beroperasi. Penguatkuasaan ini menyebabkan kekosongan jawatan mula meningkat, mengurangkan jumlah penganggur berikutan banyak premis perniagaan kembali beroperasi sekaligus

membuka semula banyak peluang pekerjaan. Pada ketika itu, banyak aktiviti perekonomian mula dibenarkan dan giat dijalankan menyebabkan kekosongan jawatan bertambah sekaligus mengurangkan jumlah pengangguran. Namun, pada ketika ini, keadaan ekonomi masih belum stabil. Jadi, berlaku ketidakseimbangan dalam jumlah pengangguran. Tambahan pula, kerajaan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa kawalan menjejaskan keadaan ekonomi di kawasan tersebut. Bermula Julai 2021, berlaku penurunan yang berterusan dalam jumlah pengangguran bermula 778,200 sehingga 558,700 pada Mac 2023. Ini disebabkan keadaan ekonomi yang sudah mula stabil. Pada ketika ini banyak peluang pekerjaan sudah kembali dibuka.

Indeks harga pengeluar (IHPR) menunjukkan peningkatan pada era pandemik Covid-19 dan mulai menurun setelah 2022 iaitu ketika endemik. Indeks harga pengeluar adalah rendah dan stabil pada sebelum covid-19 melanda. Namun, harga pengeluar bagi 5 industri yang berbeza adalah berlainan kerana mempunyai tahap keperluan yang berbeza bagi masyarakat. Industri air dan industri elektrik merupakan sektor yang dianggap sebagai keperluan asas dalam kehidupan seharian. Permintaan untuk perkhidmatan dan produk ini selalunya stabil dan tidak terjejas dengan ketara semasa pandemik, kerana keperluan asas manusia mesti dipenuhi. Kesannya, IHPR bagi industri air dan elektrik tidak ketara perubahannya dalam tempoh kajian ini. Industri pembuatan pula selalunya mempunyai rangkaian produk yang luas, termasuk produk pengguna dan industri. Dalam sesetengah kes, sesetengah sektor dalam industri ini mungkin mengalami pengurangan permintaan semasa pandemik, tetapi sektor lain mungkin mengalami peningkatan permintaan. Kepelbagaian pengeluaran dalam industri ini boleh membantu mengekalkan kestabilan IHPR secara keseluruhan.

Industri pertanian terdedah kepada gangguan dalam rantai bekalan semasa pandemik. Sekatan perjalanan dan penutupan sempadan boleh menjejaskan pengedaran makanan dan akses kepada pasaran. Ini boleh menyebabkan turun naik harga pendispensan disebabkan oleh perubahan ketersediaan dan permintaan dalam industri. Industri perlombongan pula sering dikaitkan dengan pengeluaran dan pengekstrakan bahan mentah seperti minyak, gas, logam atau arang batu. Permintaan untuk komoditi ini boleh dipengaruhi oleh perubahan dalam ekonomi global semasa pandemik. Penurunan permintaan daripada sektor tertentu, seperti industri pembuatan dan pengangkutan, boleh mengakibatkan kos pengeluaran yang lebih rendah dalam industri perlombongan.

Kesimpulan

Kesimpulan, kajian tentang pengangguran, pasaran buruh dan indeks harga pengeluar perlu dijalankan bagi melihat gambaran besar tentang perjalanan ekonomi negara sebelum, semasa dan selepas pandemik. Krisis kesihatan yang berpanjangan di Malaysia ini dapat dilihat telah mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di Malaysia. Sekatan pergerakan, penutupan perniagaan dan langkah-langkah keselamatan yang dilaksanakan untuk mengawal penularan virus telah menjejaskan banyak sektor, terutama sektor peruncitan, pelancongan dan lain-lain.

Pasaran buruh yang kurang akan menyebabkan berlakunya peningkatan terhadap kadar pengangguran dalam negara. Perkara ini akan memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. Oleh kerana kekurangan pendapatan, individu menganggur akan mengalami kekurangan dalam kuasa membeli. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara sama ada dalam perkhidmatan atau barangan yang dipasarkan. Di samping itu, disebabkan oleh pengurangan kuasa membeli, peniaga yang menjalankan perusahaan juga akan

mengalami kerugian kerana sasaran dalam pasaran kurang berkemampuan untuk membeli. Seterusnya, indeks harga pengeluar yang meningkat juga akan menyebabkan peniaga terpaksa menaikkan harga jualan mereka menyebabkan masyarakat kurang berkemampuan untuk membeli. Hal ini juga akan menyebabkan penurunan dalam kuasa membeli. Sekali gus akan menyebabkan pertumbuhan ekonomi terhalang.

Oleh itu, jelaslah bahawa kajian tentang pengangguran, pasaran buruh dan indeks harga pengeluar perlu dijalankan. Melalui kajian ini, kita dapat memahami dengan lebih jelas perubahan yang telah dibawa oleh pandemik covid-19 kepada pasaran buruh, penggunaan tenaga kerja dan indeks harga pengeluar. Hal ini bagi memastikan bahawa Malaysia akan lebih bersedia sekiranya hal yang diluar jangkaan seperti pandemik yang berlaku melanda negara ini. Kerajaan akan lebih peka dan bersedia untuk membuat kebijakan yang dapat membantu rakyat. Bukan hanya itu, rakyat Malaysia juga akan lebih bersedia sekiranya perkara yang sedemikian rupa berlaku lagi.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), kerana menyokong kajian ini melalui geran penyelidikan (GP-2021-K022222)

Rujukan

- Abdullah, Borhan., R Sareya., ATA Kele., RP Boroh., & S Naim. 2021. An Overview on COVID-19 and its Impact on Migration in Malaysia. *Journal of International Business, Economics and Entrepreneurship* 6(2): 66-73.
- Aziz, A. R. 2020. Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(11): 1-9.
- Bank Negara Malaysia. 2016. Perkembangan Ekonomi Pada Tahun 2015. *Laporan Tahunan 2016*. Penyelidikan, Analitik, dan Teknologi Maklumat. (2021). Kesan Pandemik Terhadap Peluang Pekerjaan Dikalangan Graduan Bumiputera.
- Courthouse News Service. 2023. Unemployment Continues to Fall as Producer Price Rise in Europe. <https://www.courthousenews.com/unemployment-continues-to-fall-as-producer-prices-rise-in-europe/>
- Gervásio Ferreira dos Santos & Luiz Carlos de Santana Ribeiro & Rodrigo Barbosa de Cerqueira, 2020. "The informal sector and Covid-19 economic impacts: The case of Bahia, Brazil," *Regional Science Policy & Practice*, Wiley Blackwell, vol. 12(6), pages 1273-1285, December.
- Hanafe, N., & Abdullah, B. S. 2022. Faktor-faktor Peningkatan Kadar Pengangguran di Malaysia Ketika Pandemik COVID-19.
- Hasan, A., Jamalolail, F. N., Rahman, A. A., Ahmad, F., & Amaris, I. 2022. Kesan Pandemik Covid-19 Terhadap Trajektori Ekonomi Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies (IJISTRA)*, 3(4): 55
- Jozef Habánik & Jaroslav Vyhnička & Katarína Štefčíková & Martina Jakubčinová, 2022. "The COVID-19 pandemic and current situation on the labor market in the NUTS 3 regions of the Slovak republic," *Entrepreneurship and Sustainability Issues*, VsI Entrepreneurship and Sustainability Center, vol. 10(2), pages 189-206, December.
- Lokman, N. W. (2022). Perluasan Tafsiran Asnaf Fakir Dan Miskin Dalam Konteks Pandemik Di Malaysia: Expansion Of Asnaf Fakir And Miskin's Interpretation In A Pandemic Context in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 82-98.

- Rashid, M. F., Yusoff, N. S., & Kamarudin, K. H. (2022, September). The Impact of Covid-19 Pandemic towards the Resilience of Small Medium Enterprises (SMEs) in Malaysia. In *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* (Vol. 1082, No. 1, p. 012001). IOP Publishing.
- Ritzen, Jozef M., 2020. "Once the great lockdown is lifted: Post COVID-19 options for the economy," MERIT Working Papers 2020-057, United Nations University - Maastricht Economic and Social Research Institute on Innovation and Technology (MERIT).
- Rose, R. A. C., Misrin, N. H., Tambi, N., & Besar, J. A. (2020). Faktor pemilihan pekerjaan tidak formal dalam kalangan generasi muda. *Akademika*, 90(1), 147-160.
- Santacreu, A. M. and LaBelle, J. 2022. Global Supply Chain Disruptions and Inflation during the COVID-19 Pandemic. *Federal Reserve Bank of St. Louis Review*, Second Quarter 2022, 104(2), pp. 78-91; <https://doi.org/10.20955/r.104.78-91>.
- Werdaningtyas, H., Awirya, A. A., Dienillah, A. A., & Igawati, C. I. (2022). Household Debt Behavior and Response to Interest Rates and LTV Policy. *Economics and Business Quarterly Reviews*, 5(3).
- Yamin, N. A. A. (2023). Penentu Kadar Inflasi di Malaysia: Satu Kajian Empirikal. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 5(2), 21-33.